

Perutusan Hari Raya Aidilfitri

Melalui Radio Dan Televisyen Malaysia Pada Malam Hari Raya Aidilfitri, 26 Disember 2000

Alhamdulillah, sekali lagi kita orang Islam di Malaysia merayakan Hari Raya Puasa dalam keadaan aman dan selamat dan bebas daripada apa-apa malapetaka. Justeru itu Hari Raya Aidilfitri disambut oleh umat Islam dengan gembiranya setelah berjaya menunaikan ibadat puasa selama 30 hari. Hari ini kita umat Islam bukan sahaja dapat makan minum dan bergembira dengan kejayaan kita, tetapi hari ini menjadi hari untuk kita memperbaharui ikatan kita dengan ibu bapa dan keluarga, dengan sahabat handai dan juga dengan semua orang Islam, jauh dan dekat.

2. Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain akan menjadi lengang kerana penduduk yang terdiri daripada orang Islam akan balik ke kampung di mana kebanyakan daripada ibu bapa dan keluarga kita tinggal. Di kampung kita akan disambut dengan gembira dan dapat bertemu dengan kawan-kawan lama serta bersalam-salaman sambil mengucapkan "Selamat Hari Raya, maaf zahir dan batin". Hubungan silaturahim antara sanak saudara dan sahabat handai akan diperbaharui.

3. Di masjid-masjid di seluruh negara umat Islam akan berkumpul untuk Sembahyang Raya dalam suasana aman dan penuh muhibbah. Nama Allah Yang Maha Besar akan disahut berulang kali oleh jemaah semasa bertakbir sebagai pengakuan semula akan Allah yang satu yang disembah.

4. Selepas Sembahyang Aidilfitri, Khatib akan membaca khutbah yang menyeru umat Islam agar bersatu, supaya kita melupakan perbezaan pendapat dan perselisihan faham antara kita. Khatib akan menyeru supaya kita kembali bersatu-padu kerana semua umat Islam adalah bersaudara - "Innamal mukminuna ikhwah".

5. Selepas tamat khutbah maka jemaah akan bersalam-salaman sebagai saudara seagama. Sebagai orang Islam tidak ada halangan bagi kita bersalam-salaman dan mengucap Id Mubarak atau Selamat Hari Raya (Minal aidin wal faizin) kepada semua jemaah tanpa mengira kaum atau keturunan yang dikenali atau tidak. Semua kita yang berada di masjid-masjid untuk Sembahyang Hari Raya Aidilfitri adalah saudara seagama, orang Islam semuanya.

6. Di Malaysia kita tahu pada Hari Raya rumah-rumah kita terbuka kepada semua orang Islam dan juga orang bukan Islam. Fakir miskin juga tidak ketinggalan. Dengan mengadakan rumah terbuka ini maka sekali lagi orang Islam berpeluang menjalinkan persaudaraan antara mereka dan juga persahabatan

dengan orang bukan Islam. Tidak akan ada yang lapar dan dahaga pada Hari Raya di Malaysia yang makmur ini.

7. Kanak-kanak menyambut Hari Raya dengan riang gembira. Mereka dapat menjamu selera dengan kuih-muih dan pelbagai juadah. Mereka diberi duit raya oleh ibu bapa, keluarga dan orang lain. Dan mereka sedar betapa bertuahnya mereka, buah yang datang dari negara yang aman dan makmur.

8. Pada Hari Raya kita disuruh melupakan permusuhan kita sesama kita orang Islam dan sebaliknya kita memohon maaf zahir dan batin. Lafaz di mulut tentulah disertai dengan niat yang sama di hati. Sekurang-kurangnya pada Hari Raya umat Islam perlu melupakan perselisihan faham dan permusuhan antara mereka dalam apa juga bidang termasuk politik. Jika boleh persefahaman yang dijalin hendaklah diteruskan.

9. Semua ini yang kita lakukan semasa kita menyambut Hari Raya Aidilfitri adalah amat secocok dengan ajaran Islam - khususnya berkenaan dengan persaudaraan. Jika kita mengikuti ajaran Islam, tidak dapat tidak umat Islam akan menjadi umat yang beruntung, yang bahagia, umat yang bersatu-padu, aman dan stabil.

10. Islam dibawa oleh Rasullullah sebagai satu berita gembira kepada umat manusia. Seribu empat ratus dua puluh tahun dahulu manusia hidup dalam kejahilan. Budaya mereka amat buruk sekali.

11. Di Semenanjung Arab, orang Arab jahiliah amat mundur dan mempunyai budaya yang buruk. Mereka menindas kaum wanita dan hamba mereka. Wanita tidak mempunyai hak sama sekali. Yang kaya daripada mereka mengambil seberapa banyak isteri dan perempuan simpanan untuk kepuasan nafsu mereka semata-mata. Anak perempuan yang kecil dibunuh dengan ditanam hidup-hidup.

12. Arab jahiliah ini membahagikan diri mereka kepada kabilah-kabilah mengikut keturunan. Mereka begitu sombong dan setia kepada kabilah mereka sehingga mereka sanggup membuat apa sahaja untuk kabilah mereka. Walaupun perbuatan mereka tidak baik dan merupakan satu jenayah tetapi ia dilakukan oleh mereka kepada kabilah lain kerana terlampau setia dan fanatik kepada kabilah mereka.

13. Oleh kerana terlalu taksud dan setia kepada kabilah mereka, dan bermusuhan ketat dengan kabilah-kabilah lain, maka Arab jahiliah ini tidak pernah berhenti berperang antara kabilah-kabilah. Apabila kabilah-kabilah yang bermusuhan ini bertemu, mereka akan berperang.

14. Permusuhan antara mereka kekal selama-lamanya. Punca asal permusuhan mereka sudah mereka lupakan tetapi mereka terus bermusuh, bahkan berperang. Hasilnya ialah bangsa Arab di zaman jahiliah lemah dan tidak mempunyai tamadun seperti bangsa-bangsa lain di sekeliling mereka.

15. Kepada bangsa Arab jahiliah ini datang Nabi Muhammad s.a.w. dengan berita gembiranya. Islam yang dibawa oleh Rasulullah menyuruh orang Arab jahiliah ini menghentikan budaya kolot mereka. Amalan membunuh anak perempuan dan menindas kaum wanita dihentikan. Mereka menerima Allah yang satu sebagai Tuhan yang tunggal yang mereka sembah dan Nabi Muhammad sebagai Rasul-Nya.

16. Kesetiaan kepada kabilah yang keterlaluan sehingga sanggup membuat jenayah kerana patuh kepada pemimpin dan suku kaum dihentikan kerana dilarang oleh agama Islam. Ketaatan kepada ketua dan suku kaum hanyalah dalam membuat kebaikan. Dengan itu permusuhan antara kabilah-kabilah dihentikan dan sebaliknya mereka dicantum menjadi satu umat yang bersaudara. Sejarah menunjukkan bahawa apabila orang yang kolot dan jahil ini memeluk dan menerima amalan ajaran Islam, maka dalam jangka masa yang pendek mereka dapat mendirikan "Daulah Islamiah" atau empayar orang Islam yang meliputi Sepanyol di Barat hingga ke sempadan China di Timur.

17. Demikianlah mustajabnya ajaran Islam berkenaan dengan persaudaraan sesama Islam dan perpaduan serta bermuafakat membuat kerja kebaikan. Demikian juga kesannya ketaatan kepada Ulil-Amri bagi umat Islam di mana juga mereka berada.

18. Empayar ini runtuh pada permulaan abad ke-20 Masihi kerana sejak beberapa lama perpaduan dan persaudaraan Islam tidak lagi diamalkan. Kerana orang Arab tidak sanggup diperintah oleh orang Islam Turki, maka mereka bekerjasama dengan musuh-musuh Islam untuk kononnya membebaskan diri mereka daripada belunggu Turki. Malang bagi mereka apa yang dihasilkan daripada pemberontakan mereka bukanlah kebebasan tetapi penaklukan dan penjajahan oleh Perancis, British dan Rusia.

19. Semua ini boleh menjadi iktibar kepada kita umat Islam di Malaysia. Janganlah kita kembali kepada budaya jahiliah dengan menerima ajaran yang mungkar dan menolak yang makruf. Persaudaraan dan membuat yang baik adalah perkara yang disuruh dan perpecahan serta melakukan keburukan adalah amalan yang ditegah. Inilah maksud "amal ma'aruf nahi mungkar".

20. Semasa kita merayakan hari raya dan bersalam-salaman ada baiknya jika kita mengingati akan maksud kita bersalam sesama

orang Islam. Maksudnya tidak lain dan tidak bukan ialah supaya kita kembali kepada ajaran Islam yang menyuruh kita bersaudara dan bersatu-padu.

21. Tiap pasangan yang bersalam tetap mempunyai kelainan pendapat. Manusia terlibat dengan terlalu banyak kegiatan untuk mereka memiliki pendapat yang sama dalam semua bidang. Ada sahaja perbezaan pendapat berkenaan dengan kemasyarakatan, ekonomi, politik dan juga agama di antara mereka.

22. Dalam agama Islam perbezaan pendapat memang lumrah. Kadang-kadang perbezaan ini sedikit sahaja tetapi kadang-kadang jauh juga perbezaannya. Di kalangan kita Ahli Sunnah Wal Jemaah, Mazhab Shafie pun terdapat sedikit perbezaan dalam tekanan terhadap yang wajib dan yang sunat, dalam berdoa dan ibadat-ibadat lain. Antara Mazhab-mazhab Hambali, Maliki, Hanafi dan Shafie terdapat lebih banyak perbezaan.

23. Tetapi semuanya adalah orang Islam. Perbezaan-perbezaan daripada segi tafsiran dan tekanan, daripada segi amalan tertentu tidak menjadikan pengikut mana-mana mazhab tidak Islam. Apatah lagi kita yang berpegang kepada ajaran Imam Shafie; jika ada sedikit perbezaan antara kita daripada segi tafsiran atau lain-lain, ini tidak menjadikan kita tidak Islam selagi kita percaya kepada Tuhan yang satu dan Rasul-Nya. Tidak ada sesiapa yang boleh melucutkan keIslaman kita. Kita masih menjadi saudara dengan orang Islam lain di mana juga mereka berada.

24. Demikian juga jika perbezaan antara kita adalah berkenaan dengan hal-hal lain selain daripada agama. Mungkin kita berbeza pendapat berkenaan dengan politik atau ekonomi atau sosial. Kerap juga kita berbeza pendapat kerana soal-soal peribadi. Ada soal-soal peribadi yang menyebabkan hubungan kita dengan keluarga atau anggota keluarga, atau kawan bermasam muka, berkelahi dan berseteru.

25. Semua ini, semua perbezaan sama ada berkenaan dengan agama, politik, ekonomi, sosial atau peribadi tidak menjadikan mana-mana pihak tidak Islam. Pada hari yang mulia ini kita boleh bersalaman dengan hati yang bersih daripada segala sangkaan yang buruk terhadap saudara seagama kita. Mungkin ketegangan antara kita dengan seteru kita dilupakan pada hari itu sahaja, tetapi mungkin juga kemesraan itu berpanjangan dan hubungan rapat kita dipulihkan dengan sepenuhnya, Insya-Allah.

26. Inilah hikmah daripada bersalaman dan ucapan maaf zahir batin pada hari raya. Pada satu hari sekurang-kurangnya umat Islam bersatu dan bermesra. Insya-Allah kita mungkin bersatu

dan mesra secara lebih kekal. Ia tetap tidak akan merugikan kita. Sebaliknya ia mungkin membawa banyak manfaat kepada kita. Ingatlah bagaimana perpaduan antara orang Ansar dan orang Muhajirin di Madinah telah menghasilkan sebuah negara Islam yang kukuh yang dapat mengembangkan Islam dan menyatupadukan penduduk seluruh Semenanjung Arab.

27. Tidak ada sesuatu yang disuruh oleh agama Islam yang tidak akan membawa kebaikan, nikmat dan keuntungan kepada umat Islam. Jika pada hari ini kita tidak menikmati kebaikan, jika pada hari ini umat Islam ditindas, dihina dan dipermainkan, sebabnya ialah kerana umat Islam sendiri yang tidak mengikut dan mengamalkan ajaran Islam secara ikhlas.

28. Memanglah benar musuh-musuh Islam boleh disalahkan. Mereka menggunakan kekuatan mereka untuk menindas dan melemahkan orang Islam dan negara-negara Islam. Tetapi mereka tidak mungkin berbuat demikian jika orang Islam sendiri tidak memberi jalan kepada mereka.

29. Kita memberi jalan kepada mereka apabila kita menerima hasutan mereka supaya kita bermusuh sesama kita, kita sengaja menghalang segala usaha untuk menyatupadukan kita, dan kita menjejaskan usaha untuk membangun dan memperkuatkan negara-negara kita.

30. Apabila sahaja ada negara Islam yang mula mencapai kemajuan, maka akan adalah orang Islam yang mencuba menghalang kemajuan ini. Alasan mereka berbagai-bagai tetapi semuanya berkisar kepada tuduhan bahawa pemerintah tidak Islam, sekular dan sebagainya. Walau apa juga penjelasan dibuat bahawa memajukan umat Islam dan negara Islam adalah sebahagian daripada ibadat, bahkan satu jihad, puak berkenaan menutup hati mereka.

31. Bukti bahawa tuduhan ini berasas tidak dipedulikan. Yang mempengaruhi gerakan untuk menjatuhkan Kerajaan negara-negara Islam ialah al-Quran dan Hadis yang sengaja disalahtafsirkan untuk menghalalkan perbuatan tidak Islam oleh puak-puak ini. Apabila pengikut sudah menerima dan menyertai segala kegiatan puak ini, maka mereka akan menjadi fanatik dan sanggup membuat apa sahaja. Sebab itulah kita lihat pemberontakan dan pembunuhan orang Islam oleh orang Islam dan kelemahan Kerajaan negara-negara Islam.

32. Apabila orang Islam sudah bermusuh dan berperang sesama sendiri, maka pembangunan negara tidak dapat diadakan. Dengan itu negara-negara Islam akan terus mundur, lemah dan ditindas, dihina oleh orang lain. Inilah yang dikehendaki oleh musuh-musuh Islam.

33. Di Malaysia kita bernasib baik kerana walaupun ada segelintir orang yang taksub dengan puak tertentu yang cuba melemahkan Kerajaan dan adakalanya bersubahat dengan orang asing yang benci kepada Kerajaan Malaysia, tetapi umumnya percubaan ini ditolak oleh majoriti orang Islam di Malaysia.

34. Perhubungan sesama orang Islam di Malaysia masih kuat. Dan kita semua masih boleh mengekalkan lagi perhubungan ini. Insyaa-Allah dengan kita bersalam- salaman di hari raya, perhubungan ini mungkin menjadi lebih erat semula.

35. Hampir semua Kerajaan negara Islam di dunia yang memilih demokrasi menghadapi masalah dan tidak dapat dibangunkan. Sebabnya ialah kerana sistem demokrasi seperti yang diamalkan sekarang bukanlah sistem asal negara Islam. Dalam sejarah Islam sistem pemerintahan yang digunakan ialah sistem feodal dan autokratik. Justeru itu negara Islam dan rakyatnya yang mencuba sistem demokrasi berparti hampir semuanya menjadi tidak stabil dan pembangunan tidak dapat diadakan.

36. Sebabnya ini berlaku ialah kerana orang Islam terlalu taksub dengan parti-parti yang dianggotai oleh mereka sehingga lupa kepada agama dan seruan kepada perpaduan di kalangan umat Islam. Sebenarnya parti politik hanyalah untuk membolehkan pilihan dibuat tentang siapa yang dianggap layak untuk mentadbir negara. Selepas pemilihan rakyat perlu kembali hidup bersama sebagai umat yang satu seperti sebelum pemilihan. Tetapi di negara Islam yang demokratik perpecahan antara pengikut-pengikut parti adalah mendalam dan kekal. Permusuhan yang ketara berlaku dan sikap keterlaluan diperlihatkan. Tentangan terhadap yang menang ditingkatkan dan percubaan dibuat untuk mengganggu Kerajaan yang telah dipilih supaya tidak dapat menumpukan kepada kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.

37. Kehidupan sebagai masyarakat Islam yang bersatu tidak dapat diadakan kerana permusuhan ini. Desakan agama Islam supaya semua umat berpegang kepada tali Allah (iaitu agama Islam) dan jangan bercerai-berai tertinggal sebagai ayat dalam al-Quran sahaja kerana ianya gagal diamalkan. Sebab itulah demokrasi di negara Islam tidak membawa kebahagiaan dan pembangunan. Tetapi rakyat beragama Islam seperti juga rakyat lain, tidak ingin melihat kembalinya sistem pemerintahan autokratik feodal.

38. Pada hari raya ini sambil kita beramah mesra, ada baiknya jika kita cuba mematuhi ajaran Islam. Sementara kita boleh berpegang kepada fahaman politik kita, tidak ada sebab kenapa kita tidak boleh mengurangkan ketaksuban kita kepada parti dan kita hidupkan semangat persaudaraan dalam Islam. Fahaman politik tidak sepatutnya menjejaskan persaudaraan kita

sebagai orang Islam. Agama Islam adalah lebih utama daripada parti dan ideologi bagi orang Islam.

39. Perpaduan dan kerjasama antara kita orang Islam di Malaysia, dan juga antara kita dengan orang Islam lain di seluruh dunia menjadi lebih penting di zaman globalisasi ini. Jika kita tidak berjaga-jaga, kita mungkin dijajah semula. Sudah adapun negara Islam yang merdeka tetapi secara langsung dan tidak langsung dijajah semula.

40. Pada Hari Raya Aidilfitri yang mulia ini marilah kita umat Islam kembali kepada ajaran Islam berkenaan persaudaraan dan perpaduan. Marilah kita bermaaf- maafan antara kita secara ikhlas; marilah kita jalinkan perhubungan yang baru antara kita supaya dapat kita bersama-sama memajukan negara kita, supaya kita tidak terdedah kepada tekanan oleh mana-mana pihak yang berniat tidak baik kepada kita.

41. Di Malaysia yang berbilang kaum dan agama ini, marilah kita orang Islam membuktikan bahawa Islam adalah agama yang toleran dan adil kepada semua pihak, sama ada Islam atau tidak Islam. Marilah kita buktikan bahawa pemerintahan yang diterajui oleh orang Islam adalah pemerintahan yang berdaya maju dan mampu membangun dan mempertahankan negara daripada segala ancaman dari dalam atau luar.

42. Justeru itu alu-alukanlah mereka yang bukan beragama Islam yang tumpang beraya pada Hari Raya Aidilfitri ini. Sambutlah mereka bersama-sama dengan orang Islam yang mengunjungi kita. Dengan itu kemesraan Islam dan orang Islam dapat dinikmati juga oleh orang bukan Islam seperti ianya dinikmati oleh orang Islam. Saya yakin kita semua akan mendapat kebahagiaan daripada amalan ini.

43. Sempena Hari Raya Aidilfitri ini saya, isteri dan anak-anak saya mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua umat Islam di negara kita terutama anggota pasukan keselamatan dan pegawai serta kakitangan lain yang bertugas di hari raya, dan memohon maaf zahir dan batin. Saya berdoa kita semua akan terus dilindungi dan dirahmati Allah s.w.t. sepanjang masa.